



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

## [THE STAGE OF WESTERN ORIENTALISTS SCHOLARLY STUDIES IN ISLAM: A REVIEW]

### PERINGKAT PENDEKATAN KAJIAN SARJANA ORIENTALIS BARAT TERHADAP ISLAM: SATU ANALISIS

MOHD FARHAN ABD RAHMAN <sup>1\*</sup>  
MUHD IMRAN ABD RAZAK <sup>1</sup>  
AHMAD FIRDAUS MOHD NOOR <sup>1</sup>  
MUHAMAD KHAFIZ ABDUL BASIR <sup>1</sup>  
NURUL KHAIRIAH KHALID <sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

\*Corresponding author: [farhan84@uitm.edu.my](mailto:farhan84@uitm.edu.my)

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

#### **Abstract**

*Majority of the orientalist adhere to the philosophy of logical empirical positivism, a belief that emphasizes on the total use of mind as a key approach to obtaining accurate scientific facts based on systematic and thorough method of research. This philosophy refuses to prove a fact using sources from the revelation because it is considered irrelevant in historical proof and has created biased and sceptical views about the Malay community in Malaya. This article focuses on the analysis of the orientalist approach in evaluating Islam, as well as the extent to which Islam influenced the lives of the people in Malaya. The author used historiography and comparative methods to analyse the orientalist's views. The results showed that the orientalist thinking approach in evaluating Islam and its followers especially the Malay community presented a sceptical viewpoint, which has made each of these writings biased on a one-sided judgment and deviated from the historical development of the great Islamic civilization. This false judgement had emerged due to the weakness of the orientalist to understand the Muslims, especially the Malay community due to the European-centric thinking known as Euro-centrism. This thought elevated Europe as a great and civilized nation over other nations, the so-called "ambassador of civilization", and the saviour of all need-to-be civilized nations.*

*Keywords: Orientalist, Islam, the Malaya, Logical Empirical Positivism*

#### **Abstrak**

Majoriti golongan orientalis berpegang dengan falsafah positifisme empirik logik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya sebagai pendekatan utama bagi mendapatkan

sesuatu fakta keilmuan dengan tepat berdasarkan kaedah penelitian yang sistematik dan teliti. Falsafah ini menolak pembuktian sesuatu fakta menggunakan sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah dan telah mewujudkan pandangan yang berat sebelah serta meragukan terhadap masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Artikel ini menumpukan kepada analisa terhadap pendekatan orientalis dalam menilai Islam, serta sejauhmana pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Penulis menggunakan kaedah grafisejarah dan perbandingan bagi menganalisis pandangan orientalis tersebut. Hasil kajian mendapati pendekatan pemikiran orientalis dalam menilai Islam dan penganutnya terutama masyarakat Melayu memperlihatkan sudut pandangan yang meragukan hingga setiap penulisan dari golongan tersebut berdasarkan sudut pertimbangan yang berat sebelah serta menyimpang dari sejarah perkembangan tamadun Islam yang agung. Hal ini berpunca dari kelemahan golongan orientalis dalam memahami penganut Islam khususnya masyarakat Melayu disebabkan latarbelakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu Euro-centrism. Pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun berbanding bangsa lain hingga digelar “ambassador of civilization” iaitu penyelamat kepada bangsa yang perlu ditamadunkan.

**Kata kunci:** Orientalis, Islam, Tanah Melayu, Positifisme Empirik Logik.

**Cite as:** Mohd Farhan Abd Rahman, Muhd Imran Abd Razak, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Muhamad Khafiz Abdul Bashir & Nurul Khairiah Khalid. 2020. Peringkat Pendekatan Kajian Sarjana Orientalis Barat Terhadap Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 116-126.

## PENGENALAN

Orientalisme berasal daripada perkataan orient yang mendapat tambahan al dan isme. Perkataan orient merupakan kosa kata dari bahasa Perancis yang bermaksud timur. Secara geografinya, orient bermaksud dunia timur, sedangkan secara etnologinya ia diertikan sebagai bangsa-bangsa di timur (Joesoef 1985). Manakala perkataan oriental dalam bahasa Inggeris bermaksud hal-hal yang berhubungan dengan timur dan perkataan isme bermaksud sesuatu fahaman, doktrin, ajaran, sistem, aliran atau sikap (Muin 1978).

Menurut pandangan Hanafi (2000), orientalisme merupakan fahaman politik yang bertujuan menjajah dan memusnahkan budaya Timur khususnya agama Islam, seterusnya menonjolkan tamadun Barat sebagai hebat dan mendominasi ke seluruh dunia. Manakala bagi Said (1977), orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

1. Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.
2. Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
3. Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, merestrukturisasi dan menguasai masyarakat Timur. Ia berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.

Abu Lughod (2001, 101-113) turut melontarkan pandangan yang sama berkaitan orientalisme. Beliau mengatakan: *The way in which the Orient has been represented in Europe through an imaginative geography that divides East and West, confirming Western superiority and enabling, if not actually constituting, European domination of those negatively portrayed regions known as East.* [Cara bagaimana orientalis telah mewakili Eropah ialah melalui gambaran geografi yang membahagikan Timur dan Barat, mengesahkan keunggulan dan kebolehan Barat, bahkan pembentukannya, penguasaan Eropah kepada kawasan yang digambarkan secara negatif tersebut dikenali sebagai Timur].

Ketiga-tiga pandangan di atas jelas menunjukkan pihak penjajah Barat menginginkan penguasaan ke atas dunia Timur merangkumi agama, budaya dan intelektual, seterusnya menerapkan ideologi yang berkonsepkan sekularisme ke dalam pemikiran masyarakat tanah jajahan. Menurut al-Attas (1978), permusuhan tradisi antara Kristian dan Islam pada awalnya wujud melalui misi perluasan wilayah dan serangan ketenteraan, kini ia beralih kepada 'peperangan intelektual' yang meletakkan ilmu dan pemikiran umat Islam sebagai sasaran utama yang perlu ditewaskan. Beliau menjelaskan:

*The confrontation between Western culture and civilization and Islam has now moved on to the intellectual level and we must realize, then, that this confrontation is by nature a historically permanent one. Islam is seen by the West as posing a challenge to its very way of life.* [Konfrontasi (permusuhan) antara ketamadunan dan kebudayaan Barat dan Islam diteruskan ke tahap intelektual dan kita seharusnya menyedari bahawa konfrontasi ini secara alaminya satu nilai sejarah yang kekal selamanya. Islam dilihat oleh Barat sebagai memberi satu cabaran kepada cara hidup mereka]

(Al-Attas 1978, 99)

Menurut Shamsul Amri (2000) orientalis berpandukan kepada fahaman sekularisme iaitu fahaman yang memisahkan hal-hal agama dari segala urusan dunia dan beranggapan agama Islam merupakan agama ciptaan Nabi Muhammad SAW yang penuh dengan kepalsuan hingga perlu diganti dengan fahaman yang lebih fleksibel, tidak mengongkong dan bersesuaian dengan peredaran zaman. Mohd Farhan (2016) menjelaskan, beberapa pendekatan telah dikenal pasti bagi memastikan penyebaran fahaman sekularisme berjalan lancar, antaranya melalui penyelidikan mendalam berkaitan Islam seperti sejarah, budaya, sumber perundangan dan sebagainya.

## **PERINGKAT PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP ISLAM**

Bagi mengenal pasti pendekatan kajian orientalis terhadap Islam, penulis membahagikan kepada tiga peringkat, iaitu pendekatan pada zaman perang salib, kebangkitan dan kolonialisme. Ketiga-tiga peringkat ini merupakan titik tolak kepada perkembangan pemikiran sekularisme di Barat. Perkembangan ini memberikan kesan yang negatif kepada masyarakat beragama Islam khususnya dalam urusan kehidupan.

## **Pendekatan Kajian Orientalis Pada Zaman Perang Salib**

Menurut Siddiq (2012), sepanjang teretusnya Perang Salib dari 1096 hingga 1291, penganut Islam dilabel sebagai bangsa yang mempunyai pewatakan buruk seperti kasar dan ganas oleh golongan orientalis bagi tujuan penyebaran agama Kristian. Golongan tersebut memberikan gambaran yang negatif berasaskan kepada cerita dongeng, fantasi dan mitos yang memburukkan Islam tanpa sebarang bukti yang kukuh. Said (1977) menjelaskan, masalah ini berpunca dari penyelewengan karya Islam khususnya terjemahan al-Quran oleh sarjana Barat ketika menuntut ilmu di Cordova sebelum meletusnya Perang Salib. Golongan orientalis yang kurang menguasai bahasa Arab telah menyalahafsirkan terjemahan tersebut berdasarkan logik akal semata-mata. Malah, Golongan tersebut juga telah mengeluarkan pandangan peribadi walaupun ia berlawanan dengan fakta di dalam al-Quran, karya ulama mahupun hasil peninggalan sejarah. Antara pandangan tersebut adalah:

1. Nabi Muhammad SAW dilabel sebagai manusia biasa, bukan sebagai pesuruh Allah SWT seperti yang disebutkan dalam sejarah Islam (Margoliouth 1975). Rasulullah telah dilabel sebagai manusia hina, licik dalam menyebarkan agama ciptaannya dan menggunakan kitab ciptaannya iaitu al-Quran yang merupakan hasil peniruan dari kitab agama Yahudi dan Kristian (Bell 1926).
2. Islam dianggap sebagai agama budaya yang dihasilkan oleh masyarakat Arab di Timur Tengah berasaskan persekitaran beriklim panas yang mempengaruhi perwatakan seseorang seperti kasar dan ganas (Watt 1954).
3. Penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW atas dasar ekonomi dan keinginan untuk membolot sumber kekayaan dari setiap tanah jajahan. Tindakan ini secara tidak langsung menunjukkan Islam sebagai agama yang mengutamakan kekerasan bagi menguasai sesuatu dan wajib ditakuti oleh bangsa lain (Turner 1983).

## **Pendekatan Kajian Orientalis Pada Zaman Kebangkitan**

Menurut Idris (1999) dan Mohd Farhan (2016), Ilmuan Barat telah terpengaruh sepenuhnya dengan pendekatan sekularisme yang menolak agama sebagai panduan hidup. Sebaliknya agama dikatakan sebagai punca kepada penderitaan manusia. Mohd Kamal (1986) berpandangan, falsafah penguasaan ilmu berdasarkan pendekatan sekularisme Barat adalah berteraskan kepada falsafah Humanisme. Falsafah ini meletakkan urusan pembangunan manusia hanya untuk kepuasan peribadi semata-mata tanpa sebarang pertimbangan agama. Jika menginginkan kemajuan, manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada penggunaan akal. Hasilnya, falsafah ini melahirkan sejumlah besar paradigma disiplin keilmuan bagi mewujudkan sebuah tamadun berkonsepkan materialistik, iaitu:

1. Paradigma bebas dalam menilai sesuatu kajian keilmuan. Seorang orientalis perlu menjadikan dirinya bebas dari pegangan keagamaan ketika menjalankan penyelidikan menerusi pelbagai bidang keilmuan. Pendekatan yang berpegang kepada agama menjadikan seseorang itu terikat dalam memberikan pandangan yang bersifat kritikal terhadap agamanya.
2. Falsafah positifisme empirik logik; ia merupakan kajian keilmuan yang digunakan oleh sarjana orientalis bagi mendapatkan suatu fakta keilmuan dengan tepat dan betul

berdasarkan kaedah penelitian yang cukup sistematik dan teliti (Mohd Natsir 1997). Abdul Rahman (2000) menjelaskan, pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari sikap golongan tersebut yang menolak agama dan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dan ditangani dengan pancaindera.

3. Falsafah historisisme; ia menyetengahkan perkembangan sejarah sebagai suatu aspek yang penting dalam kewujudan manusia. Falsafah ini menganggap agama sebagai kolot dan ditolak sebagai pembuktian fakta akademik. Menurut Meinecke (1956), bagi memahami sesuatu fakta sejarah pengkaji perlu melakukan penelitian yang rapi terhadap peristiwa yang berlaku. Penelitian tersebut hendaklah berlandaskan sudut pandangan yang skeptikal dan menolak sebarang fahaman yang berunsurkan ketuhanan terutamanya agama Islam.

Goldziher (1981) berpandangan, sebarang kajian yang bersandarkan kepada keagamaan dianggap tidak bermutu malah tidak mempunyai nilai akademik. Sebarang kajian yang berkaitan dengan Islam tidak boleh merujuk al-Quran mahupun karya sarjana Islam, tetapi perlu menggunakan realiti sejarah umat Islam bagi mengetahui gambaran Islam yang sebenar. Sebarang penganalisaan kritikal terhadap Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan higher criticism. Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian, kemudian telah dipanjangkan penggunaannya kepada agama Islam. Ia bertujuan untuk membuktikan kesilapan kandungan al-Quran dan al-Sunnah, seterusnya memperlihatkan Islam sebagai agama yang sesat. Elemen pemikiran sekularisme yang terkandung di dalam pendekatan ini jelas sekali menetapkan bahawa sebarang peristiwa sejarah yang berlaku dalam masyarakat Islam perlu dinilai secara skeptikal demi mendapatkan sesuatu fakta.

### **Pendekatan Kajian Orientalis Pada Zaman Kolonialisme**

Pada peringkat ini, al-Attas (1969) membahagikan proses perkembangan dan kejatuhan tamadun Islam di Alam Melayu kepada tiga peringkat iaitu:

1. Peringkat awal; proses penerimaan Islam oleh masyarakat di Alam Melayu, kemudian diikuti dengan kaedah penghayatan dan pengamalan ajaran Islam dalam setiap urusan kehidupan.
2. Peringkat kegemilangan; menyaksikan perkembangan ilmu pengetahuan Islam pada zaman kesultanan Melayu Melaka hingga wujud sistem pengajian pondok.
3. Peringkat keruntuhan: masalah dalaman yang timbul dalam pentadbiran kesultanan Melayu. Tindakan mengalu-alukan kedatangan penjajah Barat bagi menyelesaikan masalah yang timbul telah berubah kepada proses penjajahan.

Proses penjajahan ini bermula dengan penaklukan Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1824) dan British (1824-1957). Menurut Idris (2003), sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat di Tanah Melayu mempunyai pengalaman berinteraksi dengan pelbagai masyarakat majmuk seperti India, China, Jawa, Parsi dan Arab tanpa mengalami sebarang masalah. Keadaan ini berubah selepas kedatangan penjajah Barat, bermula dengan penubuhan syarikat besar seperti East Indian Company yang memperkenalkan pendekatan kapitalisme

tanpa mempedulikan kebajikan masyarakat yang lain. Penjajah Barat khususnya British telah mengambil peluang untuk menyebarkan agama Kristian melalui proses penjajahan.

Pada zaman pemerintahan penjajah di Tanah Melayu, kepakaran sarjana orientalis telah diguna sepenuhnya dalam usaha menjajah dan menguasai masyarakat tanah jajahan. Golongan ini menekankan bahawa penting bagi setiap anggota masyarakat berani meninggalkan amalan tradisi dan pegangan agama sekiranya ingin berjaya dalam kehidupan. Kepakaran orientalis ini diterapkan ke dalam pemikiran penjajah Barat melalui beberapa bentuk, iaitu;

Pertama, mengkaji kebudayaan masyarakat Timur dalam semua aspek merangkumi positif mahupun negatif. Kajian ini secara tidak langsung menjadi alat kepada penjajah Barat khususnya British dalam menghuraikan secara lengkap mengenai kekuatan dan kelemahan masyarakat Timur. Seterusnya dipelajari untuk menguatkan penguasaan golongan ini terhadap masyarakat tanah jajahan (Hussain, 1984).

Merujuk karya A. Wright dan T.H. Reid iaitu *The Malay Peninsula* (Wright & Reid, 1912), T.S. Raffles iaitu *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles* (Raffles, 1830), L.R. Wheelar iaitu *The Modern Malay* (Wheelar, 1928) dan F. Swettenham iaitu *Malay Sketches* (Swettenham, 2005), orientalis melabel masyarakat Melayu dengan gambaran yang negatif seperti malas, keras kepala, suka berfoya-foya, suka berhutang dan sebagainya. Bagi memperbaiki kelemahan ini, golongan tersebut mengangkat penjajah British sebagai penyelamat kepada masyarakat Melayu dengan memperkenalkan sistem pendidikan Barat yang berkonsepkan sekularisme iaitu memisahkan ilmu keduniaan dan ilmu agama (Winstedt, 1934). Namun, pendidikan tersebut dikhususkan kepada golongan feodal Melayu sahaja (Wheelar, 1928). Menurut Skeat (1967), golongan feodal Melayu ini dilatih untuk menjadi orang suruhan kepada penjajah British bagi memperkukuhkan kuasa mereka di Tanah Melayu. Khasnor (1979) juga berpandangan, golongan ini dijadikan sebagai perantaraan terbaik bagi menguasai masyarakat Melayu yang secara tradisi amat menghormati golongan feodal.

Kedua, pendekatan evolusisme yang bersifat dakwaan swa-kebenaran (*self-truth claim*) dan perkauman yang melampau berdasarkan pemikiran berpusatkan Eropah (*Euro-Centric*). Said (1981) menyatakan pendekatan ini mengangkat Tamadun Barat sebagai hebat dan agung berbanding Timur. Pendekatan tersebut dipaparkan dengan jelas oleh orientalis menerusi teori evolusi Darwin yang menganggap tamadun Barat adalah tamadun yang paling maju berdasarkan tahap kepandaian dan pendekatan yang menolak sebarang bentuk ajaran agama. Swettenham (1893) menjelaskan, pencapaian hebat ini disebabkan penerimaan fahaman sekularisme yang menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia. Masyarakat Timur yang masih berpegang kepada agama dilabel sebagai bangsa yang menolak kemajuan dan perlu ditamadunkan melalui proses penjajahan.

Golongan orientalis juga melabel perundangan Islam sebagai kejam, statik dan sesuai diamalkan di Timur Tengah sahaja. Malah, Swettenham (2005) menambah, keseluruhan sikap negatif masyarakat Melayu berpunca daripada pegangan teguh mereka terhadap Islam seperti berserah kepada takdir, tidak menghargai masa dan menolak kemodenan. Oleh itu, hal ini perlu diubah dengan memperkenalkan sistem pemikiran Barat khususnya perundangan yang dilihat lebih relevan dan fleksibel bagi zaman sekarang.

Ketiga, penggunaan pendekatan difusisme. Zainal (1994) menjelaskan pendekatan ini meletakkan tahap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal yang ada dalam diri mereka, tetapi disebabkan faktor pengaruh budaya asing yang ditiru secara selektif oleh

masyarakat Melayu seperti dari Arab dan India. Pendekatan ini menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) dalam membina sesuatu tamadun yang hebat. Menurut Landon (1949), masyarakat Melayu tidak mempunyai pegangan keislaman yang kuat dan masih lagi terpengaruh dengan kepercayaan animisme dan Hinduisme. Ahmad Shalaby (1966) berpandangan, pendekatan ini berteraskan sikap anti Islam yang tercetus dari pengalaman perang Salib dan penentangan masyarakat Islam di tanah jajahan semasa pemerintahan pihak penjajah sebelum ini.

## **PENGARUH ISLAM KE ATAS MASYARAKAT MELAYU DI TANAH MELAYU**

Sepanjang pembabitan orientalis di Tanah Melayu, pihak penjajah telah membawa satu pendekatan mencampuri urusan pentadbiran iaitu usaha memperkecil dan menyisihkan peranan agama dalam semua aspek kehidupan. Mohd Farhan (2017) menjelaskan sekiranya masyarakat peribumi masih menjadikan agama sebagai satu panduan kepercayaan khususnya yang beragama Islam, masyarakat sebegini akan terus berada di tahap yang rendah, menolak pemodenan, malah tidak bertamadun kerana mempercayai ajaran yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Pihak penjajah British sedar bahawa Islam adalah suatu kepercayaan yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam masyarakat Melayu dan sebarang penghinaan terhadap agama akan menyebabkan penentangan masyarakat Melayu terhadap penjajah (Auni 2005). Menurut Auni (2005), walaupun bersifat anti-Islam, penjajah British tidak pernah melakukan sebarang tindakan provokasi terhadap agama Islam. Sebaliknya secara licik pihak British merendahkan taraf agama Islam dengan mengadakan Perjanjian Pangkor 1874, kesannya Islam diasingkan daripada politik; Raja Melayu dilantik sebagai ketua agama tetapi bidang perundangan Islam dihadkan kepada hal ehwal perkahwinan dan perkara-perkara *furu'* sahaja.

Menurut Wilkinson (1922), perundangan Islam tidak memberikan kesan yang mendalam ke atas masyarakat Melayu, malah dijadikan sebagai undang-undang tambahan untuk dimasukkan ke dalam undang-undang adat. Beliau mengatakan: *Notwithstanding the influence of Muslim law in Malaya, it had not supplanted the local adat in its entirety. It was accepted in the religious matters, in family law and the law of succession, but in order matters the adat prevailed with only some Muslim additions incorporated in it in the course of centuries.*

[Walaupun undang-undang Islam mempunyai pengaruh di Tanah Melayu, ia tidak menggantikan adat tempatan secara keseluruhan. Ia diterima dalam perkara hal ehwal agama, perundangan keluarga dan perwarisan, namun berkenaan perihal adat, ia hanya digabungkan dengan sebahagian unsur Islam ke dalamnya setelah berabad lamanya].

(Wilkinson 1922, 48)

Bagi penulis, penjelasan dari Wilkinson ini menjadi bukti betapa undang-undang Islam pada pandangan orientalis tidak memberi pengaruh yang kuat ke atas keseluruhan kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Bagi menguatkan hujah di atas, penulis merujuk pandangan Aliza. Beliau menyatakan sebab kepada penilaian negatif pihak penjajah terhadap Islam termasuklah perundangannya disebabkan oleh: Pengalaman beragama yang pahit dalam sejarah kebudayaan Barat serta pertembungan dengan agama serta kebudayaan Islam dalam sejarah dunia telah mencorakkan penilaian umum orientalis terhadap agama Islam. Keraguan yang terbit akibat dari sifat dan pembawaan agama mereka sendiri serta prasangka yang menebal terhadap hakikat risalah Islam serta pembawanya, akhirnya menjadikan kebenaran semua agama dilihat tidak lebih dari kebenaran falsafah. Agama yang ditanggapi dalam telaah sejarah penulis orientalis ini adalah agama yang mesti berubah mengikut peredaran zaman hingga

mampu menjadi batu loncatan mencapai cita-cita pembangunan atau sebaliknya, agama yang jumud, yang layak dicerca sebagai batu penghalang.

(Aliza 2012, 612)

Pandangan Aliza ini jelas menunjukkan pandangan pihak orientalis dipengaruhi prasangka yang negatif hasil dari pertembungan agama dan budaya dua buah tamadun yang besar hingga Islam dinilai sebagai tidak mampu memenuhi kehendak masyarakat kerana tidak mengikut peredaran zaman dan keadaan.

## **IMPLIKASI PENDEKATAN BERBENTUK SKEPTIKAL ORIENTALIS TERHADAP ISLAM**

Fahaman sekularisme yang terkandung di dalam pendekatan kajian orientalis jelas menafikan Islam sebagai agama wahyu dan tidak mempunyai nilai keistimewaan termasuklah perundangannya. Antara implikasi dari pendekatan tersebut adalah:

Pertama, Islam adalah agama rekaan yang membohongi manusia menerusi sejarah penciptaan manusia (Said 1977). Menurut Southern (1962), bangsa Eropah berpegang dengan teori evolusi Darwin yang menganggap tamadun Barat sebagai tamadun yang hebat dan paling maju berbanding tamadun lain. Berdasarkan teori ini, masyarakat yang masih berpegang kepada agama khususnya masyarakat Timur berada dalam kelompok masyarakat primitif. Schacht (1950) berpandangan, penderitaan manusia berpunca daripada kelemahan sendiri yang tertipu dengan kepercayaan beragama. Malah, Jeffery (1926) melabel Nabi Muhammad SAW sebagai ketua perompak (*Robber Chief*).

Kedua, Islam dianggap sebagai agama budaya yang dihasilkan oleh masyarakat Arab di Timur Tengah berasaskan persekitaran beriklim panas yang mempengaruhi perwatakan seseorang seperti kasar dan ganas (Said 1977). Goldziher (1981) beranggapan, Islam sudah tidak relevan untuk dijadikan peraturan hidup pada zaman sekarang dan perlu digantikan dengan suatu bentuk pemikiran berkonsepkan sekularisme iaitu bebas dari sebarang pegangan keagamaan dan menjadikan akal sebagai rujukan utama dalam kehidupan. Seterusnya, menafikan sebarang sumbangan bernilai yang diberikan oleh Islam dalam pembinaan sebuah tamadun yang hebat.

Ketiga, pengkaji yang beragama Islam perlu menjadikan dirinya bebas ataupun meninggalkan pegangan agama sekiranya ingin melakukan kajian berkaitan antropologi terutama dalam bidang keagamaan (Goldziher 1981). Goldziher berpandangan, pendekatan yang berpegang kepada agama akan menjadikan seseorang itu tidak bebas untuk melakukan penelitian yang bersifat kritikal terhadap agamanya. Antara kaedah yang diterapkan dalam pendekatan tersebut ialah:

1. Sebarang kajian yang bersandarkan kepada keagamaan dianggap tidak mempunyai nilai akademik yang bermutu. Menurut Jeffery (1926), seseorang pengkaji tidak boleh menganggap Islam sebagai agama yang diciptakan oleh Allah SWT tetapi agama rekaan yang sesat oleh Nabi Muhammad SAW.
2. Sebarang kajian yang berkaitan dengan Islam tidak boleh dirujuk menggunakan sumber rujukan Islam seperti al-Quran mahupun karya sarjana Islam, tetapi perlu dirujuk menggunakan sumber-sumber luar yang menjurus kepada realiti sejarah umat Islam bagi mengetahui gambaran yang sebenar.

Keempat, sekiranya manusia menginginkan kemajuan, mereka perlu menggunakan akal sepenuhnya berteraskan kepada falsafah Humanisme (Mohd Kamal 1986). Falsafah ini meletakkan urusan pembangunan manusia untuk kepuasan peribadi dan nafsu semata-mata tanpa sebarang pertimbangan agama.

## PENUTUP

Pendekatan pemikiran orientalis terhadap Islam memperlihatkan sudut pandangan yang skeptikal (meragukan). Setiap penulisan dari golongan tersebut mengenai Islam dan penganutnya berdasarkan sudut pertimbangan yang berat sebelah serta menyimpang dari sejarah perkembangan tamadun Islam yang agung. Pandangan tersebut berdasarkan paradigma evolusi dan difusi (resapan) yang terdapat dalam pendekatan orientalisme. Pendekatan ini meletakkan pendekatan logik akal pada tahap yang tinggi hingga berpandangan segala tradisi, budaya, perwatakan, tatacara keilmuan serta perundangan Islam boleh dipertikaikan kebenarannya.

Pembahagian kepada tiga peringkat zaman ini menunjukkan bagaimana penerapan pendekatan orientalis ke atas masyarakat beragama Islam khususnya di Timur Tengah dan Tanah Melayu umumnya. Pendekatan orientalis yang bersifat berat sebelah dan meragukan ini secara tidak langsung telah menunjukkan kelemahan sendiri kepada masyarakat luar; bagaimana penilaian yang tidak telus dibuat ke atas Islam yang jelas bertentangan dengan disiplin keilmuan. Sejarah mengenai tamadun Melayu tidak dipaparkan dengan betul tetapi dimanipulasi dengan menonjolkan peranan dan pengaruh Barat yang membawa kemajuan kepada bangsa Melayu.

Penulis berpandangan adalah tidak adil untuk mengatakan keburukan sesuatu bangsa tanpa melihat sudut positif di dalamnya. Di mana sahaja Islam berada, pasti wujud kekuatan dalam jati diri sesebuah masyarakat sekaligus menjadi kekuatan dalam membina sebuah tamadun baru yang hebat. Tanah Melayu contohnya, kehadiran Islam telah membangunkan sebuah tamadun dan kebudayaan baharu yang berjiwa keIslaman dan membebaskan masyarakat daripada belenggu khurafat dan tahayul. Penulis menyarankan setiap pengkaji yang ingin membuat kajian terhadap Islam dan penganutnya perlu bersikap lebih kritikal terhadap pengaruh dan pemikiran orientalis. Para pengkaji perlu menilai setiap pandangan dari golongan tersebut dengan teliti dan melakukan kajian bagi mengesahkan kesahihan fakta yang diberikan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, A. (2000). *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu-Lughod, L. (2001). Orientalism and Middle East Feminist Studies. *Feminist Studies*, 27(1): 101-113.
- Ahmad, S. (1966). *Masyarakat Islam*. (Mukhtar, Y., Terj.). Singapore: Pustaka Nasional.
- Al-Attas, S.M.N. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Aliza, E. 2012. *Kecenderungan Paksi India: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di*

- Alam Melayu*. In Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (Eds.). Adab dan Peradaban: Karya Pengi`tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Auni, A. (2005). *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Bell, R. (1926). *The Origin of Islam and its Christian Environment*. London: Frank Cass.
- Goldziher, I. (1981). *Introduction to Islamic Theology and Law*. (Andras & Ruth, H., Terj.). Princeton: Princeton University Press.
- Hanafi, H. (2000). *Oksidentalisme: Sikap Kita Terhadap Tradisi Barat*. (Najib, B., Terj.), Jakarta: Paramadina.
- Hussain, A. (1984). *The Ideology of Orientalism*. Dalam *Orientalism, Islam and Islamist*. Vermont: Amana Books.
- Idris, Z. (1999). *Intelek Eropah dan Penentangan Terhadap Agama*. *Al-Maw'izah*, v.7.
- Idris, Z. (2003). *Islam dan amalan toleransi di Nusantara*. Dalam *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeffery, A. (1926). *The Quest of the Historical Muhammad*. *The Muslim World*, v.16.
- Joesoef, S.H.M. (1985). *Orientalisme dan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Khasnor, J. (1979). *Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah*. Dalam *Malaysia: sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: t.p.
- Landon, K.P. (1949). *Southeast Asia: Crossroad of Religions*. Chicago: University of Chicago.
- Margoliouth, D.S. (1975). *Muhammad and the Rise of Islam*. New York: AMS Press.
- Meinecke, F. (1956). *Historicism and Its Problems*. Dalam Stern, F.R. (Eds.). *The Varieties of History*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Farhan, A.R., Nurul Hidayah, A., Amin, C.A., Muhammad Yusri, Y.@S. & Rahimin Affandi, A.R. 2016. *A Doctrinal Aspect of Orientalism and its Influences of Malay Culture*. *Journal e-Academia*. 5(2): 58-65.
- Mohd Farhan, A.R., Nurul Hidayah, A., Nor Adina, A.K. & Noor Fazreen, M.A. 2017. *Orientalist Studies Verge on Islam: Early History*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7(12): 1246-1256.
- Mohd Farhan, A.R., Rahimin Affandi, A.R., Nor Adina, A.K., Muhd Imran, A.R. & Amin, C.A. 2016. *Orientalis dan Masyarakat Melayu: Analisis Terhadap Karya Pilihan R.O. Winstedt*. *Prosiding Language, Education & Civilization International Conference (LECIC2016)*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari & Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, 24-25 May 2016.
- Mohd Kamal, H. (1986). *Pembentukan Ilmu Kemasyarakatan dari Perspektif Islam*. Dalam Wan Hashim, W.T. & Mahayudin, Y. (Eds.). *Sains Sosial dari Perspektif Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Natsir, M. (1997). *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*. Semarang: Dina Utama.
- Muin, U. (1978). *Orientalisme dan Kajian Tentang Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Raffles, T.S. (1830). *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles*. London: John Murray.

- Said, E.W. (1977). *Orientalism*. London: Penguin.
- Said, E.W. (1981). *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. London: Vintage.
- Schacht, J. (1950). *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*. Oxford: Clarendon Press.
- Shamsul Amri, B. (2000). Ilmu Kolonial dan Pembinaan Fakta Mengenai Malaysia. Dalam Rahimah, A.A. (Ed.). *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siddiq, F. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. c.3. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.
- Skeat, W.W. (1967). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion in the Malay Peninsula*. New York: Dover Publications.
- Southern, R.W. (1962). *Western Views of Islam in the middle Ages*. Harvard: Harvard University Press.
- Swettenham, F. (1893). *About Perak*. Singapura: Straits Times Press.
- Swettenham, F. (2005). *Perihal Orang Melayu*. c.2. (Zubaidah, I., Terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Turner, B. (1983). *Weber dan Islam*. Jakarta: Direktorat Pembinaan PTAI.
- Watt, W.M. (1954). *Economic and Social Aspects of the Origin of Islam*. *The Islamic Quarterly*, 1(1).
- Wheeler, L.R. (1928). *The Modern Malay*. London: George Allen & Unwin.
- Wilkinson, R.J. 1922. *Papers on Malay Subjects*. v. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Kuala Lumpur.
- Winstedt, R.O. (1934). *A History of Perak*. *JMBRAS*, 12(1).
- Wright, A. & Reid, T.H. (1912). *The Malay Peninsula*. London: T.F. Unwin.
- Zainal, K. (1994). *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori*. Dalam *Syarah Perdana Untuk Pengukuhan Profesor*. Kuala Lumpur, t.p.